

Unsur-unsur Retorik dalam Puisi Melayu *Al-Amin* Karya A. Samad Said

Rahmah Ahmad H. Osman¹
Mohd Shahrizal Nasir²

Abstrak

Makalah menganalisis sebuah karya sastra Islam iaitu puisi *Al-Amin* oleh A. Samad Said yang memaparkan kisah hidup Nabi Muhammad SAW. Ia turut membuat penelitian terhadap kemunculan serta kebangkitan perbincangan berkaitan sastra Islam di Malaysia, dengan tujuan untuk memperlihatkan konsep pemikiran yang mendasari perbincangan sastra Islam dengan menjadikan *Al-Amin* sebagai contoh. Makalah ini mengaplikasikan beberapa teori retorik dalam bahasa Melayu dan Arab untuk menganalisis kualiti kesusasteraan yang ada dalam *Al-Amin*. Lebih terperinci lagi, beberapa contoh bait dalam *Al-Amin* ditonjolkan untuk menzahirkan kehadiran prinsip estetik berkenaan. Akhirnya, makalah ini mendapati *Al-Amin* mempunyai banyak nilai estetik seperti anafora, asonansi, aliterasi, unsur prosa dalam puisi, unsur khayalan, penggunaan kata sendi “yang”, dan penyenaian nama-nama insan, *tashbīh*, *uslūb al-istifhām*, *wasf al-ṭabī‘ah*, *tikrār* dan *iqtibās*. Secara langsung, ini menunjukkan bahawa *Al-Amin* adalah sebuah karya sastra Islam.

Kata kunci: retorik, puisi Melayu, sastra Islam, *Al-Amin*, sirah Rasulullah

Rhetorical Elements in the Malay Poetry Al-Amin by A. Samad Said

Abstract

This article analyses a product of the Islamic literature namely the poem Al-Amin by A. Samad Said which presents the story of Prophet Muhammad’s (p.b.u.h.) life. It also observes the emergence and development of the discourse of the Islamic literature in Malaysia, in order to highlight the conceptual thinking underlying this discourse by studying Al-Amin as an example. This article applies several Malay and

¹ Rahmah Ahmad H. Osman, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab Dan Kesusasteraan, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. E-mel: rahmahao@iium.edu.my.

² Mohd Shahrizal Nasir, adalah Pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. E-mel: mohdshahrizal@unisza.edu.my.

Arabic rhetorical theories to analyses the linguistic value of Al-Amin. It also quotes several verses from Al-Amin to show the utilisation of such theories. Finally, this article finds that Al-Amin contains various esthetical values such as anaphora, assonance, alliteration, prosaic, imagination, preposition, listing of names, tashbīh, uslūb al-istifhām, waṣf al-ṭabī'ah, tiktār and iqtibās. This directly indicates that Al-Amin is a product of the Islamic literature.

Keywords: *rhetoric, Malay poetry, Islamic literature, Al-Amin, Prophet's biography*

Pendahuluan

Islam merupakan agama yang sentiasa meraikan naluri kehidupan manusia. Hakikatnya, manusia tidak dapat dipisahkan daripada kesenian yang merupakan antara wadah untuk menjiwai dan menginsafi ciptaan Ilahi. Al-Qur'an yang merupakan panduan utama bagi umat Islam telah diturunkan di tengah-tengah masyarakat Arab Jahiliyah yang pada ketika itu hebat dengan seni puisi yang memiliki keunikan tersendiri. Penurunan al-Qur'an memberi tamparan yang hebat kepada kesusasteraan Arab Jahiliyah. Hakikatnya, al-Qur'an membawa seribu satu hikmat dan rahmat kepada masyarakat Arab. Ini kerana, dengan penurunan al-Qur'an, satu bahasa yang selaras dapat diguna pakai secara formal dan meluas dalam tradisi persuratan Arab iaitu bahasa Arab Quraisy.

Al-Qur'an juga menggunakan kalimah-kalimah yang terungkap dengan cara yang amat indah dari segi lafaz dan maknanya. Sesuatu yang amat menakjubkan masyarakat Arab pada ketika itu yang sedang mabuk dengan dunia kepenyairan. Al-Qur'an juga mengurangkan aspek kekaburan dan dapat disesuaikan dalam semua genre sastera.³ Namun, perlu ditegaskan di sini bahawa keadaan ini tidak sesekali menyamakan al-Qur'an dengan sastera atau menganggap al-Qur'an sebagai sebahagian daripada karya sastera. Begitulah hebatnya al-Qur'an yang kekal sehingga ke hari ini sebagai mukjizat dan warisan peninggalan insan agung Nabi Muhammad SAW.

Sebenarnya, jika diteliti secara mendalam, kedatangan Islam dapat memperjuangkan kedudukan pemuisi yang sentiasa menepati ciri-ciri seorang yang bersifat mulia dan terpuji. Hal ini

³ Nurazmi Kuntum, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 3.

dapat mengelakkan pemuisi daripada terus berkarya sehingga melampaui batasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Perkara ini berdasarkan kepada firman Allah SWT di dalam al-Qur'an,

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ. أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ. وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ. إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ
مَا ظَلَمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْعَلُونَ.⁴

Terjemahan: Dan para pemuisi itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah. Dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak lakukan. Kecuali (para pemuisi) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah SWT dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman, dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.

Ayat di atas menunjukkan bahawa Islam menerima apa juga bentuk kesenian selagi ia tidak melanggar batas-batas yang telah jelas ditetapkan. Islam juga secara jelas mengiktiraf kewujudan pemuisi yang tidak dinafikan mempunyai sumbangan dan peranannya yang tersendiri dalam kehidupan manusia. Pelanggaran batas-batas yang dimaksudkan oleh ayat-ayat di atas adalah merangkumi perkara-perkara buruk dan negatif yang secara mudahnya dapat dicontohkan seperti penghinaan, caci-mencaci, membangga diri secara melampau, penipuan, khayalan yang melampau, ketaksuban dan sebagainya yang larangannya telah dijelaskan secara terperinci di dalam al-Qur'an dan hadith-hadith Rasulullah SAW.

Dalam konteks dunia Melayu, para pengkaji sejarah telah bersependapat bahawa sastera Islam telah masuk ke Alam Melayu seiring dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu. Hal ini sekali gus membuatkan ciri-ciri seni Melayu yang pada ketika itu dipengaruhi oleh budaya Hindu, turut mengalami proses pengislaman. Dalam proses ini, bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan atau disebut *lingua-franca* bagi membolehkan ia berjalan dengan lancar dan berkesan serta terbukti sebagai

⁴ Al-Shu'arā' (26):224-227.

media penyebar yang berkesan pada ketika itu.⁵ Meskipun berlaku proses Islamisasi dalam dunia Melayu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa bukan semua karya yang mengalami proses pengislaman itu layak untuk dikategorikan sebagai sastera Islam secara tulen. Ini kerana kebanyakan karya-karya terbabit hanya mengandungi unsur-unsur Islam dan bukan membawa pengertian ajaran Islam secara jelas. Namun, hasil usaha yang dipelopori oleh tokoh-tokoh ulama seperti Hamzah Fansuri melalui prosa dan puisi tasawufnya, maka sastera Melayu mula terarah kepada penghasilan karya sastera yang mencapai tahap sastera Islam. Keadaan ini bermula pada akhir abad ke-16 hingga ke-17 di Aceh.⁶

Di Tanah Melayu pula, kesusasteraan Melayu Islam mula mencapai tahap perkembangan yang jelas kira-kira pada abad ke-19 di Terengganu dan Pattani.⁷ Keadaan ini semakin rancak menjelang abad ke-20. Tidak dinafikan bahawa pertumbuhan sastera pada awal abad ke-20, khususnya yang berunsurkan Islam, diterokai oleh golongan penulis yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam dari Timur Tengah seperti Syed Syekh al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, dan Ahmad bin Haji Muhammad Rashid Talu.⁸ Apa yang jelas, sastera Melayu pada ketika itu amat tebal dengan bentuk sastera saduran dan terjemahan dari Timur Tengah dan Parsi.⁹

Seterusnya, pada tahun-tahun 1970-an pengislaman yang lebih meluas terlaksana dalam pelbagai aspek di Malaysia.¹⁰ Selain bidang pendidikan dan keilmuan, bidang sastera juga tidak terlepas daripada kemasukan nilai-nilai Islam secara menyeluruh. Justeru, telah timbul satu istilah dan konsep baru yang disebut sebagai “Sastera Islam” bagi menjelaskan pemahaman umum tentang sastera yang bercirikan Islam. Walaupun pada awalnya istilah ini agak kabur dan kurang jelas, tetapi dengan usaha beberapa tokoh seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, Mohd Kamal Hassan, Muhammad Uthman el-Muhammady, Ali Ahmad,

⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), 36.

⁶ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 14.

⁷ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 14.

⁸ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 17.

⁹ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 17.

¹⁰ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 20.

Shahnon Ahmad, Lutfi Abas, Ismail Ibrahim, Shafie Abu Bakar,¹¹ Ismail Hamid, Yusof Zaky Yaakob dan Hashim Musa,¹² istilah dan konsep ini semakin difahami dengan lebih jelas.

Demikian secara ringkas kedudukan seni sastera dalam Islam serta perkembangan diskusi sastera Islam di Tanah Melayu. Berlatarbelakangkan sejarah dan perkembangan tersebut, makalah ini secara khusus membincangkan nilai estetik atau keindahan dalam pemahaman retorik bahasa Melayu dan Arab menerusi puisi *Al-Amin* karya A. Samad Said. Perbincangan ini penting untuk mengemukakan kefahaman yang tepat mengenai perkara asas serta ciri-ciri sastera berpaksikan Islam dengan mengambil *Al-Amin* sebagai karya contoh untuk dianalisis. Untuk tujuan ini, perlu difahami seni puisi itu sendiri yang dibincangkan secara khusus dalam bahagian seterusnya.

Antara Puisi Melayu dan *Shi'r* Arab

Puisi merupakan salah satu bentuk kesenian indah yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu mahupun kesusasteraan Arab. Istilah ini juga merupakan istilah moden yang dipinjam daripada bahasa Indonesia yang membawa maksud karangan berangkap yang mementingkan persajakan, irama, suku kata dan pilihan kata-kata.¹³ Dari sini dapat diperhatikan bahawa seni puisi telah menjadi antara cabang seni sastera yang telah bertapak dalam dunia kesusasteraan antarabangsa.

Istilah “puisi” yang dipinjam ini telah menjadi popular dan sebatik dalam bahasa Melayu sehingga ke hari ini. Penggunaan bahasa yang terhad dalam puisi membolehkan ia dibezakan dengan prosa secara lebih jelas. Bagi disesuaikan dengan Islam, secara mudah dapat disimpulkan bahawa apa juga jenis puisi yang menyeru manusia kepada perbuatan baik (*al-ma'rūf*) dan mencegah mereka daripada perbuatan keji (*al-munkar*), ia dikira sebagai puisi Islam. Ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Qur'an,

¹¹ Ahmad Kamal Abdullah, *Unsur-Unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), xv.

¹² Kamal, *Unsur-unsur Islam dalam Puisi*, 21-22.

¹³ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 25.

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.¹⁴

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung.

Justeru, dapat difahami bahawa Islam yang merupakan agama fitrah tidak pernah sesekali menafikan apa juga bentuk perkara baik dalam kehidupan manusia, malah turut mengambil kira sebagai perkara baik walaupun dalam peringkat niat dan akan diberi ganjaran yang selayaknya di sisi Allah SWT.

Sebelum perbincangan lebih jauh dilakukan, perlu dijelaskan di sini bahawa istilah puisi dalam bahasa Melayu adalah menyamai istilah *shi'r* dalam bahasa Arab. Dalam *al-Mu'jam al-Wasī*, perkataan *shi'r* bermaksud ungkapan yang bermeter dan berirama, manakala *shā'ir* pula merujuk kepada individu yang menggubah atau mengungkapkan rangkap-rangkap *shi'r*.¹⁵ Muḥammad Mandūr menyatakan bahawa Abū al-Faraj Qudāmah bin Ja'far al-Baghdādī (m. 948) mendefinisikan *shi'r* sebagai satu rangkaian kata-kata yang mengandungi *wazn* (irama bermeter) dan *qāfiyah* (berima) serta mempunyai makna.¹⁶

Adaptasi perkataan *shi'r* dalam bahasa Arab kepada perkataan “syair” dalam bahasa Melayu merupakan satu perubahan biasa yang berlaku pada perkataan-perkataan pinjaman Arab disebabkan penyesuaian sebutan dalam bahasa Melayu. Antara contoh perkataan bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Arab dan kemudiannya berlaku perubahan dari segi sebutan adalah seperti *madh* kepada “madah”, *fiqh* kepada “fiqah”, *aql* kepada “akal”, *nahw* kepada “nahu” dan sebagainya.¹⁷

Di dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang mengandungi perkataan *shi'r* yang merujuk kepada puisi sebagai

¹⁴ Āli 'Imrān (3):104.

¹⁵ *Al-Mu'jam al-Wasī* (Beirut: Dār al-Amwāj, 1987), 484.

¹⁶ Muḥammad Mandūr, *al-Naqd al-Manhajī 'ind al-'Arab* (Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, t.t.), 297.

¹⁷ Ab Halim Mohamad, “Unsur-unsur Ilmu Badi' Arab dalam Syair Hamzah Fansuri,” *Sari: International Journal of the Malay World and Civilisation* 29, no. 2 (2011), 67-82, 69.

satu genre dalam kesusasteraan Arab dan juga *shā'ir* yang merujuk kepada individu yang mengungkapkan *shi'r*. Antara ayat-ayat tersebut ialah,

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشُّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُبِينٌ.¹⁸

Terjemahan: Dan Kami tidak mengajarkan puisi kepadanya (Muhammad) dan berpuisi itu tidaklah layak baginya. Al-Qur'an itu tidak lain hanyalah pelajaran dan kitab yang memberi penerangan.

وَيَقُولُونَ إِنَّا لَنَأْرِكُوا آلِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ.¹⁹

Terjemahan: Serta mereka berkata: “Patutkah kami mesti meninggalkan tuhan-tuhan yang kami sembah, kerana mendengar ajakan seorang pemuisi yang gila”.

أَمْ يَقُولُونَ شَاعِرٌ نَّتَرْتَلُ بِهِ رِيبَ الْمَنُونِ.²⁰

Terjemahan: Bahkan mereka mengatakan, dia adalah seorang pemuisi yang kami tunggu-tunggu kecelakaan menimpanya.

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ.²¹

Terjemahan: Dan al-Qur'an itu bukanlah perkataan seorang pemuisi, sedikit sekali kamu beriman kepadanya.

Kesemua ayat-ayat yang memperkatakan perihal *shi'r* dan *shā'ir* tersebut menjadi bukti bahawa puisi merupakan satu genre yang tidak asing dalam dunia kesusasteraan Arab sejak sebelum kedatangan Islam. Ayat-ayat tersebut menggambarkan sikap golongan musyrikin terhadap al-Qur'an dan Rasulullah SAW. Di samping itu, ayat-ayat tersebut secara jelas menafikan bahawa al-Qur'an merupakan satu ciptaan dan rekaan Rasulullah SAW yang digelar sebagai pemuisi oleh golongan musyrikin, sebaliknya ia merupakan kitab suci yang merupakan Kalamullah.

Kedudukan puisi dalam Islam adalah baik.²² Hal ini berdasarkan ayat-ayat 224 hingga 227 daripada surah al-Shu'arā' yang telah dinyatakan di atas. Ia memberi petunjuk mengenai

¹⁸ Yāsin (36):69.

¹⁹ Al-Şāffāt (37):36.

²⁰ Al-Ṭūr (52):30.

²¹ Al-Hāqqah (69):41.

²² Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Sofyuddin Yusof, Mohd Faiz Hakimi Mat Idris dan Nik Murshidah Nik Din, “Kedudukan Syair dalam Islam,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 2 (2009), 21-40.

pendirian Islam terhadap golongan karyawan. Islam tidak menerima perlakuan mereka secara total dan tidak pula meminggirkan mereka secara total. ‘Abd Allāh ibn ‘Abbās (m. 687) menyatakan bahawa ayat 224 hingga 226 ditujukan kepada golongan pemuisi daripada golongan musyrikin seperti ‘Abd Allāh bin Ziba‘rī, Hubayrah bin Wahb al-Makhzūmī, Abū ‘Azzah al-Jumahī dan Umayyah bin Abū Salt.²³ Mereka merupakan golongan pemuisi yang sesat dan menyesatkan kerana sering mendakwa bahawa puisi mereka menyamai hadith-hadith Rasulullah SAW. Manakala ayat 227 pula merujuk kepada para pemuisi daripada golongan sahabat Rasulullah SAW seperti Ḥassān bin Thābit (m. 674), Ka‘ab bin Mālik (m. 670) dan ‘Abd Allāh bin Rawāḥah (m. 629).²⁴ Mereka merupakan pemuisi Rasulullah SAW yang memanfaatkan kepakaran mereka untuk menghasilkan puisi yang indah bagi memperhebatkan proses penyebaran Islam kepada masyarakat Arab Jahiliah pada ketika itu.²⁵

Ayat tersebut di atas juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara karyawan yang benar dan beramal salih, dengan karyawan yang sesat. Kedua-dua golongan ini dibezakan berdasarkan ilmu yang benar, yang kemudiannya diamalkan sebagai amal soleh. Di sisi Islam, ilmu yang benar merujuk kepada ilmu yang membawa manusia kepada mengenali Allah SWT. Dengan ilmu yang benar, manusia akan dapat membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan. Selain itu, hanya dengan ilmu yang benar sahaja segala tindak-tanduk manusia terkeluar daripada perbuatan yang sia-sia, dan menjadi amal soleh yang diterima oleh Allah SWT. Apabila diletakkan dalam konteks Islam, sastera mesti bermatlamat, dan matlamat itu ialah menyampaikan kebaikan menerusi ilmu yang benar.²⁶

Penerangan lanjut mengenai kedudukan puisi menurut kaca mata Islam dapat dilihat menerusi rangkap-rangkap puisi seorang

²³ Shihāb al-Din Maḥmūd Shukrī al-Alūsī, *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafṣīr al-Qur‘ān wa al-Sab‘ al-Mathānī* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 19:146.

²⁴ Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur‘ān* (Beirut: Dār al-Ma‘ārif, 1971), 6:247.

²⁵ Osman Khalid, *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1999), 148-149.

²⁶ Mohd Shahrizal Nasir dan Mohd Firdaus Yahaya, “Peranan Novelis Muslim dalam Usaha Menyebar al-Ma‘ruf dan Menyekat al-Munkar,” *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)* 6 (2013), 209-232, 213.

pemuisi Rasulullah SAW iaitu Ḥassān bin Thābit dalam puisinya yang berbunyi,

وَإِنَّمَا الشَّعْرُ لُبُّ الْمَرْءِ يَعْزِضُهُ
عَلَى الْمَجَالِسِ إِنْ كَيْسًا وَإِنْ حُمًّا
وَإِنَّ أَشْعَرَ بَيْتٍ أَنْتَ قَائِلُهُ
بَيْتٌ يُقَالُ إِذَا أَنْشَدْتَهُ صَدَقًا²⁷

Terjemahan:

Dan sesungguhnya puisi merupakan minda insan yang dipersembhkannya,

Pada majlis-majlis bagi mencerminkan kebijaksanaan, mencerminkan kebodohan,

Dan sesungguhnya seindah rangkap yang kamu ungkapkannya,

Adalah rangkap yang diungkapkan, kamu dendangkannya sebagai kebenaran.

Dalam dua rangkap puisi di atas, Ḥassān bin Thābit menyatakan sifat *shi' r* atau puisi yang memenuhi tuntutan Islam. Pada rangkap pertama, Ḥassān bin Thābit menyatakan bahawa puisi merupakan cetusan fikiran manusia yang dipersembahkan dalam majlis-majlis atau acara keraian, yang mungkin kadang-kala mencerminkan kebijaksanaan dan keindahan, atau mungkin juga mencerminkan kebodohan dan kekejian. Manakala pada rangkap kedua, beliau menyatakan bahawa, sesungguhnya puisi terbaik adalah yang diucapkan oleh pemuisi atau penuturnya secara benar dan jujur. Dari sini, dapat disimpulkan bahawa unsur kebenaran (*al-ṣidq*) merupakan antara aspek penting dalam pengucapan puisi Islam. Dengan adanya unsur kebenaran, maka semua bentuk puisi yang mengandungi unsur pembohongan dan khianat terkeluar daripada daerah karya sastera Islam. Ini adalah satu definisi yang amat terang dan jelas bagi pengklasifikasian karya Islam dan yang sebaliknya. Abū 'Alī al-Ḥassān ibn Rashīq al-Qayrawānī ada menukulkan kata-kata 'Alī bin Abī Ṭālib yang menyatakan peranan puisi sebagai pengukur kepada kata-kata dan penentu martabat bangsa.

الشَّعْرُ مِيزَانُ الْقَوْلِ الشَّعْرُ مِيزَانُ الْعَوْمِ²⁸

²⁷ Ḥassān bin Thābit, *Dīwān Ḥassān bin Thābit*, ed. Walīd 'Arafāt (Lahore: Al-Maktabah al-'Ilmīyah Lahūr, 1971), 430.

²⁸ Abū 'Alī al-Ḥassān ibn Rashīq al-Qayrawānī al-Azdī, *al-'Umdah fī Maḥāsīn al-Shi' r wa Ādābih wa Naqdih* (Beirut: Dār al-Jīl, 1972), 28.

Terjemahan: Puisi pengukur kata, puisi pengukur bangsa.

Seterusnya, apabila berbicara mengenai puisi Islam, ia tidak lari daripada pengambilan nas-nas yang terdapat di dalam al-Qur'an mahupun hadith. Maka, adaptasi kedua-dua sumber teras agama Islam tersebut dalam penciptaan puisi-puisi Islam menjadikan genre yang tertua dan popular ini terus berkembang sejak dari zaman pra-Islam sehingga kepada zaman Islam dan tersebar ke serata dunia. Oleh itu, tiada sebab bagi masyarakat Islam untuk menolak puisi-puisi seperti ini, malah ia menjadi popular dalam kalangan mereka sebagai satu cara memahami Islam secara lebih mendalam melalui kesenian.

Bagi masyarakat Melayu pula, seperti yang telah sedia diketahui, mereka memang telah lama mengenali puisi atau mencipta puisi. Kedatangan Islam telah melahirkan istilah "syair" yang diambil daripada perkataan *shi'r*. Manakala dari segi maksud dan bentuknya, ia telah diberi penyesuaian dengan kesusasteraan setempat.²⁹ Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam telah sampai di Kepulauan Melayu sejak kurun ketujuh Masihi. Selain itu, telah wujud masyarakat Arab di Sumatera Timur pada tahun 55H bersamaan 673. Ini menguatkan hujah bahawa penggunaan istilah syair dan syair Arab telah dikenali oleh masyarakat Melayu Islam sejajar dengan pengetahuan mereka mengenai al-Qur'an.³⁰ Malah, C. Hooykaas telah menyatakan hal ini dalam bukunya *Malay and Indonesian Literature* iaitu tentang istilah syair yang mempunyai perkaitan dengan istilah *shi'r* dalam bahasa Arab, namun dari segi bentuknya ia merupakan ciptaan masyarakat Melayu.³¹ Manakala Harun Mat Piah menafikan secara total bahawa syair Melayu berasal daripada *shi'r* Arab ataupun sebagai penyesuaian daripada mana-mana genre puisi Arab atau Parsi.³² Bagi Harun, syair adalah ciptaan asli masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa syair atau puisi awal dalam kesusasteraan Melayu mempunyai kaitan rapat

²⁹ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 35.

³⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on the General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1969), 11.

³¹ C. Hooykaas, *Malay and Indonesian Literature* (Jakarta: J.B. Wolters, 1952), 70-71.

³² Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989), 210.

dengan Islam.³³ Jika diambil sebagai contoh, sebuah puisi hasil cetusan Hamzah Fansuri bertajuk *Syair Perahu*, dapat dilihat bahawa di dalamnya terdapat ciri-ciri agama Islam secara jelas. Puisi tersebut berbunyi,

wahai muda, kenali dirimu,
ialah perahu tamsil tubuhmu,
tiada berapa lama hidupmu,
ke akhirat juga kekal diammu.³⁴

Disebabkan puisi Melayu banyak dipengaruhi oleh kesusasteraan Arab-Parsi, maka sudah semestinya terdapat unsur-unsur atau istilah-istilah yang divedok daripada kesusasteraan tersebut dan seterusnya dimasukkan ke dalam kesusasteraan Melayu, tanpa ada sebarang pengubahan atau pertukaran. Di antara istilah-istilah tersebut ialah ghazal, masnawi, nazam, ruba'i, dan kit'ah.³⁵ Menurut Ismail Hamid, secara ringkas, istilah-istilah tersebut boleh dijelaskan seperti berikut.³⁶

Pertamanya, ghazal (*al-ghazl*) yang membicarakan persoalan percintaan, nasihat dan pengajaran.

Keduanya, masnawi (*al-mathnawī*) yang mempunyai persamaan rima di hujung tiap-tiap dua baris, ia adalah untuk memuji orang kenamaan atau sesuatu perbuatan yang baik.

Ketiganya, nazam (*al-nazm*) yang bermaksud susunan puisi. Dalam kesusasteraan Melayu, nazam mengandungi 12 baris dan mempunyai persamaan rima di akhir setiap empat atau dua baris.

Keempatnya, rubai (*al-rubā'ī*) yang merupakan puisi Parsi saduran kesusasteraan Arab yang berkembang dalam kesusasteraan Melayu. Ia mengandungi empat baris dalam satu rangkap dan rimanya berbentuk a/a/a/a/ atau a/a/b/a.

Dan kelimanya, kit'ah (*al-qit'ah*) yang bermaksud satu potongan syair yang mempunyai irama yang teratur.

Berdasarkan istilah-istilah ini, terbukti bahawa kesusasteraan Melayu telah dipengaruhi oleh kesusasteraan luar khususnya Arab-Parsi. Jika dilihat dari sudut positif, perkara ini menjadikan kesusasteraan Melayu tidak bersifat janggal serta boleh diterima

³³ Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional*, 209-210.

³⁴ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 36.

³⁵ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 36.

³⁶ Ismail Hamid, *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam* (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1983), 131-134.

oleh masyarakat antarabangsa kerana beberapa persamaan ini. Namun, perlu ditekankan di sini bahawa meskipun terdapat unsur-unsur Arab-Parsi dalam puisi Melayu, malah istilah syair diambil daripada perkataan *shi'r* daripada bahasa Arab, tiada persamaan sepenuhnya antara puisi Arab-Parsi dengan puisi Melayu. Hal ini kerana dalam puisi Melayu terdapat susunan rangkap yang bersajak, rima hujung yang tertentu dan suku kata yang amat berbeza dengan puisi Arab-Parsi.³⁷

Setelah menelusuri secara ringkas beberapa perkara penting berkaitan puisi Melayu dan puisi Arab, perbincangan akan dilanjutkan untuk memperkenalkan *Al-Amin* karya A. Samad Said. Sebelum itu, adalah wajar jika diterangkan latar belakang ringkas A. Samad Said bagi meluaskan lagi analisis karya *Al-Amin* tersebut.

Latar Belakang Ringkas A. Samad Said

A. Samad Said (seterusnya Samad) merupakan nama yang tidak asing dalam dunia sastera Melayu khususnya di Malaysia. Nama asalnya ialah Ayem bin Aid, seperti yang tercatat dalam sijil kelahirannya yang telah musnah dalam peristiwa pengeboman oleh penjajah Jepun.³⁸ Namanya telah diubah kepada “Samad” kerana beliau selalu sakit,³⁹ berdasarkan satu kepercayaan masyarakat Melayu zaman dahulu mengenai penukaran nama bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah kesihatan. Samad dilahirkan pada tanggal 9 April 1935 di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal Melaka.⁴⁰ Walau bagaimanapun, tercatat dalam dokumen pengenalan rasmi bahawa beliau dilahirkan pada 9 April 1932 dan bukan pada tahun 1935. Tarikh ini dipinda ketika perang Jepun apabila bapa saudaranya menambah usianya daripada 9 tahun ke 12 tahun untuk membolehkannya mendapatkan bekalan makanan yang dicatu ketika Perang Jepun.⁴¹

³⁷ Nurazmi, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam*, 35.

³⁸ Zaiton Abu Samah, “Menulis Itu Resah yang Bahagia, Duka yang Indah,” *Dewan Sastera* 33, no. 8 (Ogos 2003), 33-36, 34.

³⁹ Zaiton, “Menulis Itu Resah yang Bahagia,” 34.

⁴⁰ Siti Aisah Murad, A. *Samad Said dalam Esei dan Kritikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 1.

⁴¹ Zaiton, “Menulis Itu Resah yang Bahagia,” 34.

Selepas enam bulan kelahirannya, keluarga Samad telah berhijrah ke Singapura.⁴² Di sinilah bermulanya kisah hidup seorang sasterawan yang penuh dengan kesengsaraan akibat penjajahan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu. Samad menerima pendidikan awal secara formal di Sekolah Melayu Kota Raja yang terletak berhampiran dengan rumahnya.⁴³ Walau bagaimanapun, zaman permulaan sekolah Samad tidak kekal lama. Persekolahannya terpaksa diberhentikan akibat serangan tentera Jepun. Kemudian, Samad berpindah ke sekolah Inggeris di Monk's Hill School, seterusnya melayakkan beliau memasuki Victoria Institution.⁴⁴ Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di Beatty Secondary School sehingga lulus Senior Cambridge pada tahun 1956.⁴⁵ Inilah satu-satunya sijil pelajaran tertinggi yang dimiliki oleh Samad. Dari sini, dapat diketahui bahawa Samad merupakan seorang anak Melayu yang mendapat pendidikan di sekolah Inggeris. Hal ini mungkin sedikit-sebanyak mempengaruhi corak pemikirannya khususnya dalam bidang sastera.

Samad mempunyai pengalaman bekerja yang agak luas semasa zaman mudanya khususnya dalam bidang penulisan. Samad mula bekerja secara sambilan dengan menjadi pengarang majalah *Asmara* dan *Remaja*.⁴⁶ Dalam masa yang sama, beliau bekerja sebagai kerani di Hospital Singapura.⁴⁷ Walau bagaimanapun, disebabkan minatnya yang mendalam dalam bidang penulisan, beliau meletak jawatan sebagai kerani hospital untuk bekerja sebagai pengarang berita untuk akhbar mingguan *Fikiran Rakyat* yang diterajui oleh Ahmad Boestamam, seorang pejuang nasionalis pada ketika itu,⁴⁸ biarpun minatnya yang lebih tinggi adalah untuk menjadi staf majalah *Mastika*, sebuah majalah yang memang popular pada ketika itu.

Akhirnya, cita-cita Samad tercapai apabila beliau diterima bekerja di Syarikat Utusan Melayu. Namun begitu, perkhidmatan

⁴² Awang Abdullah, *Biografi Sasterawan Negara A. Samad Said* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2001), 11.

⁴³ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 12.

⁴⁴ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 20.

⁴⁵ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 20.

⁴⁶ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 25.

⁴⁷ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 27.

⁴⁸ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 27.

Samad dalam Syarikat Utusan Melayu tidak kekal lama. Pada tahun 1957, beliau telah berpindah ke akhbar *Berita Harian*.⁴⁹ Pada awal 1970-an, setelah agak aktif dalam penulisan novel, beliau telah ditugaskan sebagai Editor Sastera di *Berita Harian*,⁵⁰ satu tugas yang amat berat dan mencabar. Pada sekitar tahun 1972, Samad telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Editor Kumpulan The New Straits Times (M) Berhad.⁵¹ Jawatan tersebut merupakan jawatan terakhir disandang oleh Samad sebelum memilih untuk menjadi penulis sepenuh masa tanpa terikat dengan kerja-kerja lain secara formal.

Samad telah menghasilkan sejumlah karya yang banyak. Karya pertama Samad adalah dalam bentuk sajak. Kali pertama sajaknya tersiar di *Utusan Zaman* keluaran 1 September 1953 bertajuk *Untuk Angkatan 50*.⁵² Seterusnya pada tahun 1954, tiga buah sajak Samad tersiar dalam media massa, kesemuanya dalam akhbar *Utusan Zaman*.⁵³ Dalam konteks novel pula, *Salina* adalah novel pertama yang dihasilkan oleh Samad. Novel yang mencetuskan kontroversi ini telah diperdebatkan oleh beberapa tokoh besar bidang sastera kerana ia mengangkat seorang pelacur sebagai protagonisnya. Novel *Salina* yang diterbitkan pada tahun 1961 merupakan novel Melayu pertama yang paling tebal diterbitkan pada waktu itu.⁵⁴ Daripada novel *Salina* yang tidak selari dengan Islam, naluri dan budaya orang Timur, Samad akhirnya menghasilkan sebuah karya bercorak Islam iaitu *Al-Amin* yang merakamkan riwayat hidup insan agung Nabi Muhammad SAW dalam bentuk puisi.

Apa yang lebih menarik, beliau mampu menghasilkan karya dalam pelbagai genre. Berdasarkan laporan Panel Anugerah Sasterawan Negara pada tahun 1985, tokoh ini telah menghasilkan 8 buah novel, 10 novel kanak-kanak, 46 buah cerpen, 72 buah sajak, 113 esei kritikan, 14 karya terjemahan, 3 drama serta sebuah

⁴⁹ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 29.

⁵⁰ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 57.

⁵¹ A. F. Yassin, "Sebumbung Bersama-sama A. Samad Said," *Dewan Sastera* 33, no. 8 (Ogos 2003), 19-22, 19.

⁵² Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 24.

⁵³ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 24.

⁵⁴ Zaiton, "Menulis Itu Resah yang Bahagia," 33.

autobiografi.⁵⁵ Sejak tahun tersebut, beliau telah menghasilkan sejumlah lagi karya, termasuk *Al-Amin*.

Secara lebih terperinci, novel yang dihasilkan oleh Samad ialah *Salina* (1961), *Sungai Mengalir Lesu* (1967), *Di Hadapan Pulau* (1978), *Adik Datang* (1980), *Daerah Zeni* (1985), *Cinta Fansuri* (1994). Karya yang berbentuk novel remaja atau novel kanak-kanak pula ialah *Bendera Merah di Atas Bukit* (1968), *Jangan Ikut Jalan Ini* (1969), *Keledang* (1979), *Di Simpang Jalan* (1980), *Jalan Retak* (1980). Antologi cerpen beliau pula ialah *Daun-daun Berguguran* (bersama Salmi Manja) (1962), *Debar Pertama* (1964), *Ke Mana Terbangnya Si Burung Senja?* (1966), *Titisan Indah di Bumi Merkah* (antologi bersama) (1985), *Dosa Pejuang* (2005). Sementara itu, karya dalam genre puisi ialah *Puisi Baru Melayu 1942-1960* (antologi bersama) (1961), *Benih Harapan* (1973), *Daun Semalu Pucuk Paku* (1975), *Bintang Mengerdip* (antologi bersama) (1984), *Bunga Gerimis* (antologi bersama) (1986), *Malaysia dalam Puisi* (1988), *Balada Hilang Peta* (1993) dan *Al-Amin: Riwayat Hidup Rasulullah S.A.W. dalam Puisi* (1999).⁵⁶

Begitulah antara hasil karya Samad yang semuanya menyerlahkan kepengarangannya dalam dunia kesusasteraan Melayu. Ilhamnya tidak pernah putus atau kering dengan idea baru yang menarik dan bernilai tinggi. Menurut Mohd Yusof Hassan, karya-karya Samad dipenuhi empat pemikiran yang sesuai dengan empat aspek karya iaitu: pertamanya, unsur pemikiran keimanan, ketuhanan dan ketakwaan dalam menegakkan tema kemanusiaan; keduanya, pemikiran kebitaraan yang menampilkan perwatakan dalam karya; ketiganya, pemikiran kesaintifikan yang memperlihatkan latar yang nyata; dan keempatnya, pemikiran kreatififan yang menjelaskan unsur-unsur kreativiti dalam teknik plotnya.⁵⁷

Sebagaimana lazimnya, setiap kejayaan yang dilalui pasti akan disanjung dan dihargai oleh masyarakat dan negara. Era 1970-an memberi pengertian yang paling bermakna bagi diri Samad. Pada tahun 1976, beliau telah dipilih sebagai salah seorang

⁵⁵ Zaiton, "Menulis Itu Resah yang Bahagia," 33.

⁵⁶ Aisah, A. *Samad Said*, 409-413.

⁵⁷ Mohd Yusof Hasan, "Pengiktirafan kepada A. Samad Said," *Dewan Sastera* 33, no. 10 (Oktober 2003), 49-51, 49.

penerima Anugerah Pejuang Sastra.⁵⁸ Anugerah ini merupakan satu anugerah daripada Kerajaan Malaysia kepada beliau kerana pencapaian dan sumbangan dalam memperkaya dan meninggikan nilai kesusasteraan Melayu. Tiga tahun berikutnya iaitu pada tahun 1979, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Hussien Onn telah melantik beliau sebagai salah seorang Anggota Panel Anugerah Sastra.⁵⁹ Pada tahun yang sama, beliau menerima SEA Write Award di Bangkok yang disampaikan oleh Raja Thailand.⁶⁰ Seterusnya pada penghujung tahun 1985, Anggota Panel Anugerah Sasterawan Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan ketika itu, Abdullah Ahmad Badawi, telah sebulat suara memilih Samad sebagai penerima Anugerah Sasterawan Negara keempat selepas Keris Mas (1981), Usman Awang (1982), dan Shahnun Ahmad (1983).⁶¹ Anugerah ini merupakan satu-satunya anugerah yang berprestij bagi memartabatkan dan menjulang golongan sasterawan tanah air.

Pada tahun 1993 pula, Samad telah menerima Anugerah ASEAN dari Negara Brunei Darussalam.⁶² Seterusnya pada tahun 1997, Samad telah dianugerahi Darjah Kebesaran Negeri Melaka oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka, negeri asal kelahirannya. Anugerah ini membawa gelaran “Datuk” kepada Samad. Walau bagaimanapun, beliau lebih suka agar dirinya disapa dengan panggilan Pak Said, satu nama yang memang sinonim dengan dirinya sejak sekian lama. Dari sini, dapat diperhatikan bahawa Samad merupakan seorang yang merendah diri serta tidak mementingkan pangkat dan kedudukan dunia. Selain itu, berkat usaha gigihnya, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganugerahkan Samad Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan Kesusasteraan sempena istiadat konvokesyennya yang kelima pada 16 Ogos 2003.⁶³ Begitulah latar belakang ringkas kehidupan Samad yang menyerlahkan ketokohnya sebagai seorang yang bergelar Sasterawan Negara.

⁵⁸ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 58.

⁵⁹ Aisah, A. *Samad Said*, 3.

⁶⁰ Aisah, A. *Samad Said*, 3.

⁶¹ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 59.

⁶² Aisah, A. *Samad Said*, 3.

⁶³ Mohd Yusof, “Pengiktirafan kepada A. Samad Said,” 48-50.

Al-Amin: Puisi Riwayat Hidup Rasulullah

Karya puisi Samad yang berjudul *Al-Amin* ini berkisar mengenai riwayat hidup Rasulullah SAW sejak detik kelahiran baginda hinggalah saat kewafatannya. Selain itu, karya ini juga boleh dikategorikan sebagai satu bentuk kesusasteraan memuji Rasulullah SAW. Dalam sastera Arab-Islam, memang terdapat satu jenis puisi yang masyhur dalam kalangan masyarakat Arab-Islam yang dikenali sebagai puisi pujian Nabi atau disebut sebagai *al-madih al-nabawi*. Puisi jenis ini adalah antara jenis puisi yang popular sehingga ia diungkapkan pada setiap zaman kesusasteraan Arab sejak dari zaman permulaan Islam, zaman Umaiyah, zaman Abbasiyah, zaman Andalus dan seterusnya zaman Uthmaniyyah.

Antara karya atau puisi Arab berkaitan pujian Nabi SAW yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu adalah *Qasidah al-Burdah* karya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Sa‘īd al-Būṣirī. Selain itu, puisi jenis ini dapat juga dilihat dalam himpunan qasidah pujian Nabi yang dikenali sebagai kitab *Barzanjī*. Kitab ini amat popular dalam kalangan masyarakat Melayu, seperti di negeri Johor yang biasanya diperdengarkan dalam majlis-majlis keagamaan seperti majlis Maulidur Rasul, majlis menyambut kelahiran anak, majlis perkahwinan dan sebagainya. Zakī Mubārak, memberi pengertian puisi pujian Nabi sebagai,

هي لون من التعبير عن العواطف الدينية، وباب من الأدب الرفيع،
لأنها لا تصدر إلا عن قلوب مفعمة بالصدق والإخلاص.⁶⁴

Terjemahan: Ia merupakan satu bentuk pengungkapan tentang naluri agama, dan merupakan sebahagian daripada kesusasteraan yang tinggi nilainya; kerana ia tidak lahir melainkan kesan daripada hati yang benar dan ikhlas.

Berdasarkan pentakrifan di atas, *Al-Amin* boleh dikategorikan sebagai sebuah karya sastera berunsur Islam kerana memenuhi ciri-ciri yang digambarkan dalam takrif tersebut. Tambahan pulan, ia menceritakan perihal insan agung yang diutuskan oleh Allah SWT untuk menyampaikan dakwah menuju keredaanNya. Hakikatnya, karya-karya seperti *Al-Amin* lahir daripada jiwa

⁶⁴ Zakī Mubārak, *al-Madā‘ih al-Nabawiyah fī al-Adab al-‘Arabī* (Beirut: Dār al-Jīl, 1992), 11.

seorang sasterawan yang bersifat benar dalam penciptaan karyanya, serta ikhlas dalam menghasilkan sesuatu yang boleh dikira sebagai satu landasan untuk mengenal lebih dekat peribadi junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Perlu diingat bahawa bukanlah satu kerja seni yang boleh dipandang enteng dan remeh bagi menggarap setiap butir maklumat mengenai keperibadian Rasulullah SAW dan riwayat hidupnya dalam bentuk puitis yang bakal menjadi tatapan dan rujukan khalayak masyarakat.

Di dalam pendahuluan naskhah puisi *Al-Amin*, Samad menjelaskan ia merupakan satu karya yang mengambil masa hampir tiga tahun untuk disudahkan. Pada 29 Jun 1999, Samad berjaya menyiapkan manuskrip *Al-Amin* yang seterusnya diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka.⁶⁵ Hal ini membuktikan bahawa usaha yang dilakukan oleh Samad bukanlah satu usaha yang mudah. Ia merupakan satu usaha yang memerlukan penelitian dan kesabaran yang tinggi. Ini kerana, *Al-Amin* menceritakan riwayat hidup seorang insan agung secara terperinci. Oleh itu semua fakta berkaitan riwayat hidup baginda menuntut kepada kajian dan pembacaan bahan-bahan ilmiah yang benar-benar tepat dan bersumberkan al-Qur'an, hadith dan sejarah yang sahih. Tambahan pula, dalam pasaran dewasa ini, terdapat bahan-bahan rujukan yang mengisahkan sejarah hidup Rasulullah SAW dicampurkan dengan unsur-unsur *isrā'iliyyāt* yang jauh daripada kebenaran. Justeru, pemilihan bahan rujukan yang tepat amat penting agar kesalahan dan keraguan maklumat dapat dielakkan.

Mukadimah naskhah *Al-Amin* memberi gambaran bahawa usaha menghasilkan karya ini lahir daripada perasaan insaf dan syukur Samad kepada Allah SWT yang telah menganugerahkan kepadanya usia yang panjang. Selain itu, ia merupakan satu usahanya untuk mendekatkan diri dengan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Suatu perasaan yang tidak mungkin lahir dalam naluri setiap insan melainkan hanya yang terpilih. Ini jelas berdasarkan kata-kata Samad sendiri,

Empat tahun berlalu, dalam usia sisa enam puluh tahun, saya
tersedar betapa sia-sianya kehidupan saya jika tidak saya

⁶⁵ A. Samad Said, *Al-Amin: Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w. dalam Puisi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1999), vii.

ciptakan sesuatu yang bakal mendekatkan saya kepada Nabi kami yang besar.⁶⁶

Selain itu, Samad menulis,

Inilah usaha yang dapat saya lakukan pada usia senja ini sebagai buah tangan kecil buat Tuhan Rabbulalamin yang telah memberikan kehidupan saya sehingga menjangkau angka 64 kini; sama ada bahagia atau derita, saya pasrah menerimanya.⁶⁷

Dengan penghasilan puisi *Al-Amin* ini, berlaku sesuatu yang boleh dianggap sebagai reformasi dalam penghasilan karya Samad. Secara jelas, faktor usia yang semakin lanjut menyebabkan beliau beralih selera daripada karya yang berbentuk sastera biasa yang berkisar mengenai kehidupan dan masyarakat kepada yang menyentuh aspek agama. Daripada penghasilan novel *Salina* yang penuh dengan kontroversi kepada *Al-Amin* yang penuh dengan makna dan hikmah keagamaan. Apa yang pasti, pengalaman mengkaji sirah Rasulullah SAW yang seterusnya sampai kepada penghasilan *Al-Amin*, memberi kesan yang terbaik buat diri Samad sendiri.

Isi Kandungan *Al-Amin*

Sebagai sebuah puisi yang menceritakan riwayat hidup junjungan besar Nabi Muhammad SAW, *Al-Amin* memaparkan sebahagian besar kisah hidup baginda, terutama detik-detik penting dalam hidup baginda. Bagi tempoh usia 63 tahun, pastinya mencatatkan sejumlah besar kisah-kisah yang dilalui oleh baginda, lebih-lebih lagi status baginda sebagai utusan terakhir daripada Allah SWT kepada seluruh umat manusia. Hal ini dirakamkan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an,

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ.⁶⁸

Terjemahan: Dan Kami tidak mengutuskan kamu, melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

⁶⁶ Samad, *Al-Amin*, vi.

⁶⁷ Awang, *Biografi Sasterawan Negara*, 3.

⁶⁸ Saba' (34):28.

Dalam *Al-Amin*, dapat dilihat bahawa Samad telah memuatkan semua cerita-cerita penting dalam hidup Rasulullah SAW. Puisi *Al-Amin* ini dimulakan dengan penceritaan keadaan zaman Jahiliah sebelum kelahiran Rasulullah SAW lagi. Pelbagai keadaan digambarkan oleh Samad terutama ciri-ciri Arab Jahiliah yang hidup secara sederhana di tengah-tengah padang pasir yang kering-kontang dan tandus. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa berebut dan berkelahi antara satu sama lain untuk memenuhi tuntutan hidup yang agak terhad. Dari sinilah punca tercetusnya peperangan dan persengketaan antara kabilah-kabilah Arab yang berterusan tanpa penghujungnya. Isu yang remeh-temeh boleh membawa kepada satu peperangan yang besar disebabkan faktor taasub kepada kabilah atau puak masing-masing.

Selain itu, *Al-Amin* juga mengabadikan pelbagai kisah penting lain dalam hidup baginda, yang meliputi sejarah kelahiran baginda, permulaan kehidupan baginda pada zaman kanak-kanak dan remaja, pembabitan baginda dalam bidang perniagaan, perkahwinan dengan Khadijah r.a., proses penerimaan wahyu, detik-detik menghadapi Musyrikin Quraisy dan cabaran yang dilalui oleh baginda dan para sahabat, penghijrahan ke Habshah, peristiwa Israk Mikraj, kisah sahabat-sahabat baginda seperti Abu Bakar r.a., peristiwa Hijrah ke Madinah, membangunkan kerajaan Islam berasaskan Piagam Madinah, pengkhianatan Yahudi Bani Qaynuqā' di Madinah, peperangan-peperangan utama yang disertai oleh baginda, kehidupan baginda dengan para isterinya, dan detik-detik kewafatan baginda Rasulullah SAW.

Daripada senarai di atas, dapat dilihat bahawa *Al-Amin* merekodkan kisah-kisah yang memainkan peranan yang amat penting dalam hidup Rasulullah SAW. Penghijrahan baginda ke Madinah misalnya, menjadi titik permulaan perkembangan Islam secara lebih meluas yang pada akhirnya menjadi agama yang diterima oleh masyarakat, bukan sahaja di Madinah, bahkan meluas ke tempat-tempat di sekelilingnya. Penghijrahan ini merupakan satu titik permulaan kegemilangan Islam sebagai sebuah agama yang suci dan fitrah, sesuai dengan kehendak manusia sepanjang zaman. Peperangan yang disertai oleh baginda pula, seperti perang Badar dan perang Uhud, memaparkan seribu

satu hikmah dan teladan kepada umat Islam yang perlu dijadikan iktibar agar agama Islam terus disegani dan dihormati.

Walau bagaimanapun, sebenarnya masih terdapat beberapa kekurangan dalam karya *Al-Amin* ini. Kekurangan ini, jika dapat ditampung dengan baik, boleh menjadikan karya ini lebih sempurna. Antaranya, disebabkan ciri *Al-Amin* yang sarat dengan pelbagai jenis maklumat dan fakta sejarah, adalah lebih menarik jika ia dipersembahkan kepada khalayak mengikut bab-bab tertentu. Hal ini secara langsung dapat membantu para pembaca untuk memahami dan menggarap maklumat yang terkandung di dalamnya dengan lebih mudah dan tersusun.

Sebagai tambahan, bab-bab tersebut mungkin boleh dibahagikan mengikut fasa-fasa tertentu atau peringkat-peringkat tertentu seperti peringkat kelahiran baginda SAW, peringkat penerimaan wahyu, peringkat proses Hijrah, peringkat pembentukan negara Islam dan sebagainya. Jika ini dapat dilakukan, ia akan lebih mudah difahami, lebih-lebih lagi oleh golongan pembaca yang baru hendak mengetahui sejarah hidup Rasulullah SAW. Hakikatnya, melalui karya seni, pembaca dapat menemui pelbagai jenis maklumat dan fakta tanpa menjenguk buku-buku sejarah semata-mata.

Tidak dapat dinafikan, terdapat juga beberapa pandangan berbentuk kritikal mengenai *Al-Amin*, khususnya yang melibatkan isi kandungannya. Sebagai contoh, Shafie Abu Bakar menyatakan terdapat kekurangan yang nyata dalam *Al-Amin* apabila Samad hanya sekadar menurunkan maklumat berkaitan sirah Rasulullah SAW melalui seni puisi yang bersifat puisi prosa (*prose poetry*).⁶⁹ Apa yang lebih penting ialah untuk memaparkan hikmah yang terdapat di sebalik sirah Rasulullah SAW seperti peranan Islam sebagai agama pembawa rahmat ke seluruh alam, mukjizat al-Qur'an sebagai wahyu terakhir yang diturunkan buat semua manusia, misi utama Rasulullah SAW diutuskan ke dunia, peranan baginda SAW dalam menjadi contoh ikutan terbaik (*qudwah hasanah*) dan sebagainya.⁷⁰ Hakikatnya, penerapan maklumat-maklumat dan analisis bernilai seperti ini akan menjadikan karya

⁶⁹ Shafie Abu Bakar, "Takmilah: Teori dan Penerapannya dalam *Al-Amin*," (Kertas kerja Seminar Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 13-15 Mei 2008), 17.

⁷⁰ Shafie, "Takmilah," 17.

Al-Amin lebih bermanfaat buat khalayak pembacanya. Malah ia boleh menjadi wadah bagi menyampaikan dakwah Islamiah kepada mereka yang bukan Islam.

***Al-Amin*: Satu Analisis Unsur-unsur Retorik**

Setiap hasil karya seni yang bermutu, pasti terselit di dalamnya beberapa keistimewaan dan keindahan yang dapat membezakannya dengan karya-karya lain. Begitu juga dengan *Al-Amin*, jika dikaji dengan teliti, ia mempunyai sejumlah nilai estetik yang dapat dilihat dari segi gaya bahasanya. Hal ini membezakan antara penulisan puisi dengan prosa. Menurut Safian Hussain dalam bukunya *Glosari Istilah Kesusasteraan*, penyair mempunyai lebih kebebasan dalam membentuk ayat daripada penulis prosa. Oleh kerana puisi biasanya pendek, maka ia diperlihatkan dengan penggunaan kata-kata yang padat dan singkat, bagi menimbulkan kesatuan yang mantap dan berkesan.⁷¹ Justeru, untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang nilai estetik atau keindahan dalam *Al-Amin*, makalah ini menyenaraikan keindahan-keindahan tersebut yang dapat dilihat menerusi kaca mata retorik bahasa Melayu dan Arab, atau disebut sebagai *balāghah* dalam istilah kesusasteraan Arab.

Antara bentuk-bentuk keindahan tersebut ialah apabila Samad dilihat menggunakan unsur anafora di dalam rangkap-rangkap puisinya dengan cara yang amat menarik. Ini dapat dilihat dengan adanya perkataan “seperti” yang diselitkan pada sesetengah rangkap puisinya. Di dalam *balāghah ‘Arabiyyah* ia dikenali sebagai *tashbīh* yang bererti perumpamaan. Basyūnī ‘Abd al-Fattāh Fayyūd menerangkan bahawa *tashbīh* ialah,

هو الدلالة على مشاركة أمر لآخر في معنى بإحدى أدوات التشبيه.⁷²

Terjemahan: Iaitu sesuatu yang menunjukkan perkongsian antara sesuatu dengan yang lain dari sudut maknanya dengan penggunaan salah satu tanda-tanda perumpamaan.

Antara contoh-contoh anafora dalam *Al-Amin* ialah:

⁷¹ Safian Hussain, *Glosari Istilah Kesusasteraan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989), 265.

⁷² Basyūnī ‘Abd al-Fattāh Fayyūd, *‘Ilm al-Bayān: Dirāsah Tahlīliyyah li Masā’il al-Bayān* (Kaherah: Mu’assasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1998), 17.

- i. *Seperti* air tasik ketika subuh sejuk dan tenteram hati
'Aisyah,⁷³
- ii. *Seperti* dijangka dari awal tidak senang Nabi menerima.⁷⁴
- iii. *Seperti* guruh turut bersorak, suara turut menjadi
senjata,⁷⁵

Selain itu, puisi *Al-Amin* juga mempunyai unsur pengulangan asonansi. Asonansi ialah pengulangan bunyi vokal, ia dapat dilihat seperti dalam rangkap-rangkap berikut:

- i. *Berdatangan pengalaman, terkadang mengejut,*
*dianugerah hemah,*⁷⁶
- ii. *Amat mendadak segala berlaku, setiap detak dihayati*
*Nabi,*⁷⁷
- iii. *Kersik dan risau dapat dimengerti kerana datangnya*
*kafilah Nabi.*⁷⁸

Penggunaan pengulangan aliterasi juga jelas dalam puisi *Al-Amin*. Pengulangan aliterasi ialah pengulangan bunyi konsonan yang dapat dilihat dalam baris-baris berikut:

- i. *Langit malam terasa benderang, jamuan makin meningkat*
*lazat,*⁷⁹
- ii. *Satu demi satu sengat disembuh dalam jazirah yang tidak*
*berhati,*⁸⁰
- iii. *Suasana amat panas dan panas juga suasana.*⁸¹

Selain itu, sesuatu yang menarik untuk diperkatakan ialah apabila Samad menggunakan unsur prosa dalam puisi *Al-Amin*. Ini dibuktikan dengan penggunaan ayat yang lengkap atau hampir lengkap dalam karya puisinya sebagai cara untuk membuatkan maknanya lebih jelas dan nyata. Sebagai contoh:

- i. *Memang pada awal tahun keempat berdakwah berang*
*Quraisy menampar.*⁸²

⁷³ Samad, *Al-Amin*, 197.

⁷⁴ Samad, *Al-Amin*, 208.

⁷⁵ Samad, *Al-Amin*, 239.

⁷⁶ Samad, *Al-Amin*, 140.

⁷⁷ Samad, *Al-Amin*, 146.

⁷⁸ Samad, *Al-Amin*, 172.

⁷⁹ Samad, *Al-Amin*, 44.

⁸⁰ Samad, *Al-Amin*, 172.

⁸¹ Samad, *Al-Amin*, 236.

⁸² Samad, *Al-Amin*, 112.

- ii. *Sama-sama bersedia dengan langkah berkira, tapak amat berhati.*⁸³
- iii. *Dihalang isterinya kerana kabilah dilepaskan Abu Salamah dan anaknya.*⁸⁴

Samad juga banyak menggunakan unsur pengulangan yang menjadi satu gaya tersendiri bagi menimbulkan keindahan dalam puisi Islamnya ini. Unsur ini disebut sebagai *tikrār* dalam retorik Arab. Ia bukan satu cara untuk memperbanyakkan halaman tetapi adalah untuk dijadikan sebagai pemanis dan penyeri dalam karya tersebut, di samping dapat dirasakan ghairah kepenyairan dan pengucapannya.⁸⁵ Contohnya:

- i. *Zaman ini nafas ular dan kerengga, lidah dan sengat.*⁸⁶
- ii. *Musim adalah nafas ular dan kerengga, sengat dalam kafilah.*⁸⁷
- iii. *Semua isyarat dari langit dan bumi, dalam arus kafilah dan di sisi khemah.*⁸⁸
- iv. *mencari isyarat dari langit dan bumi, mengejutkan kafilah,*⁸⁹
- v. *Dalam syahdu khemah arus kafilah yang letih, kemunggaran.*⁹⁰
- vi. *Khemah yang rapat dalam satu kafilah nafasnya tetap luka.*⁹¹

Selain daripada itu, sesungguhnya kisah mengenai insan agung seperti Nabi Muhammad SAW ini, tidak boleh lari daripada menjadikan al-Qur'an dan hadith sebagai sumber rujukan asas selain daripada buku-buku ilmiah yang lain. Oleh itu, Samad menyelitkan sejumlah maklumat yang jelas diambil daripada al-Qur'an atau hadith. Di dalam *balāghah 'Arabiyyah* ia dikenali sebagai *iqtibās*. Fayyūd menjelaskan takrif *iqtibās* sebagai,

هو أن يضمن المتكلم شيئاً من القرآن الكريم أو الحديث...⁹²

⁸³ Samad, *Al-Amin*, 132.

⁸⁴ Samad, *Al-Amin*, 177.

⁸⁵ Ahmad Kamal Abdullah, "Bibit-bibit Keindahan Seni Pengucapan dalam *Al-Amin*," *Dewan Sastera* 30, no. 5 (Mei 2000), 24-28, 27.

⁸⁶ Samad, *Al-Amin*, 6.

⁸⁷ Samad, *Al-Amin*, 28.

⁸⁸ Samad, *Al-Amin*, 23.

⁸⁹ Samad, *Al-Amin*, 23.

⁹⁰ Samad, *Al-Amin*, 25.

⁹¹ Samad, *Al-Amin*, 26.

Terjemahan: Iaitu sesuatu yang menunjukkan penutur memasukkan potongan nas daripada al-Qur'an al-Karim atau hadith.

Akan tetapi, perlu ditegaskan di sini, bahawa *iqtibās* di dalam puisi *Al-Amin* merupakan *iqtibās* yang lebih hampir dari sudut makna dan bukan lafaz semata-mata. Sebagai contoh:

i. *bertanya-tanya kepada al-Lata, al-'Uzza dan Manat...*⁹³

Rangkap puisi di atas adalah *iqtibās* daripada firman Allah SWT,

أَفَرَأَيْتُمُ اللَّاتَ وَالْعُزَّىٰ. وَمَنَاةَ الثَّالِثَةَ الْأُخْرَىٰ.⁹⁴

Terjemahan: Maka apakah patut kamu (hai orang-orang Musyrik) menganggap al-Lata dan al-'Uzza. Dan Manah yang ketiga, yang paling terkemudian (sebagai anak perempuan Allah).

ii. *terngiang wahyu yang memerintahkannya: "Bacalah" awal kata.*

Rangkap puisi di atas adalah *iqtibās* daripada firman Allah SWT,

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ.⁹⁵

Terjemahan: Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan.

iii. *turunlah Surah al-Kahf dengan mutiara kisah tiga peristiwa*

*Cerita sahabat dalam gua, kisah al-Khidir dan kisah Zulkarnain.*⁹⁶

Rangkap ini menceritakan tiga kisah iaitu kisah Aṣḥāb al-Kahf, kisah Khidīr, dan juga kisah Dhū al-Qarnayn. Ketiga-tiga kisah ini dirakamkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Kahf iaitu,

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا.⁹⁷

Terjemahan: Apakah kamu mengira bahawa orang-orang yang mendiami gua dan (yang mempunyai) raqim itu, mereka termasuk tanda-tanda kekuasaan Kami yang menghairankan.

⁹² Basyūnī 'Abd al-Fattāh Fayyūd, *'Ilm al-Badī': Dirāsah Tārīkhiyyah wa Fanniyyah li Uṣūl al-Balāghah wa Masā'il al-Badī'* (Kaherah: Mu'assasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī', 1998), 268.

⁹³ Samad, *Al-Amin*, 10.

⁹⁴ Al-Najm (53):19-20.

⁹⁵ Al-'Alaq (96):1.

⁹⁶ Samad, *Al-Amin*, 116.

⁹⁷ Al-Kahf (18):9.

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا آتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِن لَّدُنَّا عِلْمًا.⁹⁸

Terjemahan: Lalu mereka bertemu dengan seorang hamba di antara hamba-hamba Kami, yang telah Kami berikan kepadanya rahmat dari sisi Kami, dan yang telah Kami ajarkan kepadanya ilmu dari sisi Kami.

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الَّذِينَ قُلْنَا سَأَتُلُّوْا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا.⁹⁹

Terjemahan: Mereka akan bertanya kepadamu (Muhammad) tentang Dhu al-Qarnayn. Katakanlah: “Aku akan bacakan kepadamu cerita tentangnya.”

iv. *Masjid al-Haram salam dimula mengiringi doa sehati ke Masjid al-Aqsa.*¹⁰⁰

Rangkap puisi di atas adalah *iqtibās* daripada firman Allah SWT,

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ

الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى...¹⁰¹

Terjemahan: Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa...

v. *Telah bermimpi Baginda akan syurga, telah dicapainya buah anggur.*¹⁰²

Rangkap puisi di atas adalah *iqtibās* daripada firman Allah SWT,

أَوْ تَكُونُ لَكَ جَنَّةٌ مِّنْ نَّحِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجَّرَ الْأَنْهَارُ خِلَافَهَا تَفْجِيرًا.¹⁰³

Terjemahan: Atau kamu mempunyai sebuah taman kurma dan anggur, lalu kamu alirkan sungai-sungai di celah taman yang deras airnya.

Iqtibās yang bersumberkan hadith pula dapat dilihat menerusi rangkap puisi berikut:

*terdengar wahyu bagaikan suara loceng, dan setelah seketika,*¹⁰⁴

⁹⁸ Al-Kahf (18):65.

⁹⁹ Al-Kahf (18):83.

¹⁰⁰ Samad, *Al-Amin*, 143.

¹⁰¹ Al-Isrā' (17):1.

¹⁰² Samad, *Al-Amin*, 315.

¹⁰³ Al-Isrā' (17):91.

¹⁰⁴ Samad, *Al-Amin*, 55.

Rangkap puisi di atas adalah *iqtibās* daripada sabda baginda Rasulullah SAW,

أحيانا يأتيني مثل صلصلة الجرس وهو أشده علي
فيفصم عني وقد وعيت عنه ما قال...¹⁰⁵

Terjemahan: Kadangkala ia (wahyu) datang kepadaku seperti bunyi loceng yang kuat dan ia amat berat bagiku tetapi aku sedar dan memahami apa yang diperkatakan...

Satu lagi kelainan dalam puisi *Al-Amin* ialah penggunaan kata sendi “yang” dalam kebanyakan tempat bagi menggambarkan keindahan pengucapannya. Menurut Ahmad Kamal Abdullah, tidak ada penulis lain yang aktif memanfaatkan kata sendi “yang” bagi menegaskan sesuatu watak atau peribadi ataupun sesuatu situasi.¹⁰⁶ Perkara ini antaranya boleh dilihat di dalam buku puisi *Al-Amin* sendiri pada halaman 52:¹⁰⁷

- i. kembara lahir yang paling suci, nafiri batin yang amat asli (baris ke-6)
- ii. dalam usia lebih dewasa, yakin, kemas, peniaga yang jaya (baris ke-11)
- iii. Berbincang ia dengan Waraqah bin Naufal sepupu yang pendengar (baris ke-13)
- iv. suara unta dan kaleng berlaga, suara guruh dan hujan yang tiada (baris ke-20)
- v. Suara dari hati sejarah yang amat purba (baris ke-21)
- vi. denai-denai tapak, busut-busut pasir, mula berkata tiada yang rahsia (baris ke-22)
- vii. Kini diri atas batas benih bermula hati nurani yang lebih rela (baris ke-24)

Unsur khayalan juga memainkan peranan penting dalam pemahaman sesuatu penyampaian puisi. Di sini Samad bijak dalam penggunaan perkataan yang dapat memberi gambaran jelas kepada para pembaca. Para pembaca boleh merasakan peristiwa tersebut di dalam minda mereka. Sebagai contoh apabila Samad menggambarkan keadaan wanita pada zaman Jahiliah yang dizalimi oleh kaumnya sendiri:

¹⁰⁵ Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 6:4.

¹⁰⁶ Kamal, “Bibit-bibit Keindahan Seni,” 27.

¹⁰⁷ Samad, *Al-Amin*, 52.

*gelita, mencari khemah paling papa. Wanita itu beban dan harta, diserapkan oleh nafsu, dikunyah dan dijentik seluruh nestapa, dicekau, dicengkam, diseret ke tengah, ditimbus di sisi kafilah, tengkorak unta dan kaleng tua.*¹⁰⁸

Begitu juga apabila Samad menceritakan peristiwa besar yang terjadi dalam hidup Rasulullah SAW iaitu peristiwa Israk Mikraj:

*Dan Jibril masih menarik tangan Nabi, dan Buraq semakin dekat;
putih bentuk kuda miripnya dan bersayap pada pangkal pahanya
tak terhayat oleh mata, tak tergambar oleh lidah, istimewanya.*¹⁰⁹

Perlu dijelaskan di sini bahawa peristiwa yang dirakamkan oleh Samad dalam puisi *Al-Amin* merupakan satu peristiwa yang benar-benar terjadi dan dilalui sendiri oleh Rasulullah SAW. Ia berdasarkan dalil-dalil yang jelas dan kukuh seperti yang tercatat di dalam al-Qur'an dan hadith. Hal ini berbeza dengan penyampaian khayalan yang direka-reka sendiri oleh penyair lain, yang pada hakikatnya hanyalah imaginasi dan fantasi rekaan mereka sendiri. Khayalan rekaan tersebut digambarkan dengan tujuan untuk menghiburkan pembaca dengan karya hasil cetusan idea yang pelbagai.

Puisi *Al-Amin* juga memaparkan satu lagi kelainan apabila Samad banyak menggunakan nama-nama yang menggambarkan alam semula jadi atau di dalam istilah Arab disebut sebagai *wasf al-tabī'ah*. Unsur ini amat indah jika diteliti dengan penuh penghayatan. Ia membawa pembaca supaya dapat merasai suasana yang cuba digambarkan oleh Samad. Penggambaran unsur-unsur alam semula jadi ini sebenarnya dapat membantu pembaca dalam menghayati keadaan sebenar sesuatu keadaan sebagaimana yang dialami sendiri oleh Rasulullah SAW. Keadaan ini juga secara tidak langsung membuktikan keprihatinan Samad dalam menggambarkan sesuatu peristiwa yang berlaku. Antara istilah-istilah atau kata nama yang dimasukkan dalam puisi ini ialah seperti kerak biji kurma, gunung-ganang, purnama, zamzam, ribut purba, laut merah, lembah, bulan, tofan (taufan), pasir, bukit pasir,

¹⁰⁸ Samad, *Al-Amin*, 5.

¹⁰⁹ Samad, *Al-Amin*, 145.

serigala, kambing, burung, lembah gersang, gurun, telaga dan beberapa lagi.

Selain daripada itu, mungkin kerana puisi *Al-Amin* adalah satu karya yang menceritakan satu riwayat hidup, ia tidak boleh lari dari menonjolkan sejumlah besar nama-nama insan yang mempunyai peranan tersendiri dalam hidup Rasulullah SAW. Tidak dinafikan bahawa Rasulullah SAW yang merupakan seorang pemimpin agung kepada seluruh umat manusia, pastinya baginda mempunyai ramai pengikut yang setia bersamanya dalam usaha menegakkan agama Islam. Secara tidak langsung, penyenaian nama-nama penting tersebut menggambarkan kepada kita bahawa Samad telah mengkaji sejarah hidup Rasulullah SAW secara teliti dan berhati-hati. Tanpa pembacaan dan pemahaman yang mantap, tidak mungkin Samad mampu menyenaikan nama-nama tersebut mengikut peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang hayat Rasulullah SAW.

Penyenaian nama-nama tersebut menunjukkan setiap individu tersebut mempunyai peranan tersendiri dalam usaha menyebarkan agama Islam, iaitu satu proses yang memerlukan banyak pengorbanan dan kesabaran. Individu-individu tersebut bukanlah asing dalam hidup Rasulullah SAW kerana sebahagiannya terdiri daripada mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan baginda sendiri seperti isteri, anak kandung, anak angkat, menantu, bapa mertua, pengasuh dan sebagainya. Antara nama-nama yang dipaparkan dalam puisi *Al-Amin* ialah Khadijah, ‘Ā’ishah, Abū Bakr, ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, ‘Uthmān bin ‘Affān, ‘Alī bin Abī Ṭālib, ‘Abd al-Muṭṭālib, Ḥalīmah al-Sa‘diyyah, Āminah, Fāṭimah, Umm Salamah, Ḥafṣah, Zayd bin Hārithah, ‘Ukāshah, Hamzah, Umm Aiman, Ṭalḥah, Khālid al-Walīd, ‘Abdullāh bin Zubayr, Abū Sufyān, Zainab bint Jaḥsh dan beberapa lagi.

Di samping itu, terdapat satu lagi keistimewaan dalam puisi *Al-Amin* ini apabila Samad kerap kali melontarkan persoalan-persoalan dalam rangkap-rangkap puisinya. Dalam retorik Arab, perkara ini disebut sebagai *uslūb al-istifhām*. Sebenarnya, lontaran soalan-soalan seperti ini dalam karya puisi akan membuatkan pembaca berfikir dan mungkin boleh membuatkan mereka tersentak dengan soalan-soalan tersebut. Persoalan yang ditimbulkan kadang-kala tidak memerlukan sebarang jawapan,

tetapi memerlukan masa sejenak untuk direnung dan diteliti agar dapat digapai maksud tersirat di sebaliknya. Cara ini amat berbeza dengan penulis-penulis puisi lain yang dilihat agak mendatar dalam penyampaian karya mereka kerana tiadanya persoalan-persoalan yang ditujukan kepada para pembaca. Antara persoalan-persoalan tersebut ialah:

- i. *Siapa watak di dalamnya? Penyeri nafas kudus, lelaki khusus?*¹¹⁰
- ii. *Tak inginkah mereka, mungkin dikira, petunjuk dasar dalam dunia?*¹¹¹
- iii. *Bagaimana ingin dituduh dia tukang sihir, tukang tenung, penyair?*¹¹²
- iv. *Mengapa air mata seperti anugerah, pilu apakah yang paling bertakhta?*¹¹³
- v. *siapakah bakal sedia menerima pedang dengan segala ragam rentaknya?*¹¹⁴
- vi. *segalanya hidangan hati nurani yang utama, masih perlukah wasiat lain?*¹¹⁵

Berdasarkan analisis ini, dapat dilihat secara jelas bahawa Samad berjaya menggabung dan menerapkan pelbagai jenis unsur-unsur yang bersifat nyata, praktikal berserta puitis dalam karya Islamnya ini. Karya ini tidak bercirikan khayalan dan fantasi semata yang sunyi dengan fakta dan kebenaran. Nilai estetik dalam karya *Al-Amin* ini, sebenarnya dapat dilihat dengan lebih luas lagi melalui beberapa aspek lain yang tidak dapat dipaparkan kesemuanya di dalam ruang penulisan yang agak terhad ini. Sesungguhnya unsur agama dan keimanan telah menjadikan *Al-Amin* tergolong di dalam lingkungan daerah sastera Islam yang memenuhi ciri-cirinya yang tersendiri. *Al-Amin* perlu terus dikaji oleh pencinta sastera Melayu agar ia tidak terkubur dimamah zaman.

Penutup

¹¹⁰ Samad, *Al-Amin*, 43.

¹¹¹ Samad, *Al-Amin*, 90.

¹¹² Samad, *Al-Amin*, 100.

¹¹³ Samad, *Al-Amin*, 148.

¹¹⁴ Samad, *Al-Amin*, 294.

¹¹⁵ Samad, *Al-Amin*, 315.

Kesimpulannya, dapat dilihat bahawa Samad telah berusaha menyumbang satu karya yang menjurus kepada sastera Islam. Hal ini dilihat secara jelas apabila *Al-Amin* membicarakan riwayat hidup seorang insan agung iaitu junjungan besar Nabi Muhammad SAW. *Al-Amin* memberi gambaran bahawa sastera Islam bukan sahaja mementingkan aspek makna yang terkandung di dalam sesebuah karya, malah ia turut mementingkan persembahan luaran karya yang dihiasi dengan keindahan bahasa untuk menarik minat khalayak pembaca. Keadaan ini dapat dilihat bukan sahaja menerusi nilai estetik dalam bahasa Melayu, tetapi juga beberapa aspek keindahan balaghah Arab. Ini disebabkan *Al-Amin* itu sendiri yang sarat dengan sejarah seorang Rasul terakhir pembawa risalah Ilahi, iaitu ajaran benar yang menjadikan bahasa Arab sebagai medium perantaraannya.

Menerusi penelitian terhadap nilai estetik dari aspek retorik bahasa Melayu dan Arab dalam *Al-Amin*, dapat diperhatikan bahawa karya ini mempunyai nilai antarabangsa yang bukan sahaja boleh diperakui dari sudut bahasa Melayu, malah bahasa Arab. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, contoh-contoh nilai estetik bahasa Melayu yang terdapat dalam *Al-Amin* cukup banyak, antaranya anafora, asonansi, aliterasi, unsur prosa dalam puisi, unsur khayalan, penggunaan kata sendi “yang”, dan penyenaian nama-nama insan. Untuk nilai estetik bahasa Arab atau disebut *balāghah ‘Arabiyyah* pula ialah *tashbīh*, *uslūb al-istifhām*, *wasf al-ṭabī‘ah*, *tikrār* dan *iqtibās*. Justeru, dengan wujudnya beberapa rangkap puisi *Al-Amin* yang menggunakan *iqtibās* daripada ayat-ayat suci al-Qur’an dan hadith, secara langsung ia telah membuktikan bahawa sesebuah karya yang dikategorikan sebagai sastera Islam itu akan lebih jelas wajahnya jika dikaitkan dengan sumber rujukan utama dalam Islam. Sumber yang bersifat benar itu, tidak lain merupakan wahyu Ilahi yang tidak dinafikan mengandungi unsur-unsur estetik yang dapat membuatkan sesiapa sahaja yang membaca mahu pun mendengarnya merasa tenang.

Justeru, adalah disarankan agar setiap individu Muslim di Malaysia, khususnya yang meminati bidang sastera untuk menghayati apa juga jenis karya sastera Islam dan mengambil pengajaran yang berguna di dalamnya untuk diadaptasikan dalam kehidupan seharian. Seperti yang telah dijelaskan, sastera Islam itu

bersifat praktikal dan sentiasa membawa faedah buat khalayak pembaca dan pendengarnya. Akhirnya, dapat ditegaskan di sini bahawa sastera Islam adalah sejenis sastera yang bermanfaat serta jauh dari sebarang kekaburan serta tidak sesekali meminggirkan aspek estetik atau keindahan dalam struktur binaannya.

Bibliografi

Al-Qur'an.

- A. F. Yassin, "Sebumbung Bersama-sama A. Samad Said," *Dewan Sastera* 33, no. 8 (Ogos 2003), 19-22.
- A. Samad Said, *Al-Amin: Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w. dalam Puisi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1999).
- Ab Halim Mohamad, "Unsur-unsur Ilmu Badi' Arab dalam Syair Hamzah Fansuri," *Sari: International Journal of the Malay World and Civilisation* 29, no. 2 (2011), 67-82.
- Ahmad Kamal Abdullah, "Bibit-bibit Keindahan Seni Pengucapan dalam *Al-Amin*," *Dewan Sastera* 30, no. 5 (Mei 2000), 24-28.
- _____, *Unsur-Unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988).
- Al-Alūsī, Shihāb al-Din Maḥmūd Shukrī, *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān wa al-Sab' al-Mathānī* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.).
- Al-Bukhārī, Abū 'Abdullāh Muḥammad bin Ismā'il, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987).
- Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Beirut: Dār al-Amwāj, 1987).
- Awang Abdullah, *Biografi Sasterawan Negara A. Samad Said* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2001).
- Fayyūd, Basyūnī 'Abd al-Fattāḥ, *'Ilm al-Badī': Dirāsah Tārīkhiyyah wa Fanniyyah li Uṣūl al-Balāghah wa Masā'il al-Badī'* (Kaherah: Mu'assasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī', 1998).
- _____, *'Ilm al-Bayān: Dirāsah Taḥlīliyyah li Masā'il al-Bayān* (Kaherah: Mu'assasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī', 1998).
- Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989).
- Ḥassān bin Thābit, *Dīwān Ḥassān bin Thābit*, ed. Walīd 'Arafāt (Lahore: Al-Maktabah al-'Ilmīyyah Lahūr, 1971).

- Hooykaas, C., *Malay and Indonesian Literature* (Jakarta: J.B. Wolters, 1952).
- Ibn Rashīq, Abū ‘Alī al-Ḥassān, al-Qayrawānī al-Azdī, *al-‘Umdah fī Maḥāsīn al-Shi‘r wa Ādābih wa Naqḍih* (Beirut: Dār al-Jīl, 1972).
- Ismail Hamid, *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam* (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1983).
- Mandūr, Muḥammad, *al-Naqd al-Manhajī ‘ind al-‘Arab* (Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, t.t.).
- Mohd Shahrizal Nasir dan Mohd Firdaus Yahaya, “Peranan Novelis Muslim dalam Usaha Menyebarkan al-Ma‘ruf dan Menyekat al-Munkar,” *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)* 6 (2013), 209-232.
- Mohd Yusof Hasan, “Pengkiktirafan kepada A. Samad Said,” *Dewan Sastera* 33, no. 10 (Oktober 2003), 49-51.
- Mubārak, Zakī, *al-Madā‘ih al-Nabawiyah fī al-Adab al-‘Arabī* (Beirut: Dār al-Jīl, 1992).
- Nurazmi Kuntum, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991).
- Osman Khalid, *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1999).
- Qutb, Sayyid, *Fī Zilāl al-Qur‘ān* (Beirut: Dār al-Ma‘ārif, 1971).
- Safian Hussain, *Glosari Istilah Kesusasteraan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989).
- Shafie Abu Bakar, “Takmilah: Teori dan Penerapannya dalam *Al-Amin*,” (Kertas kerja Seminar Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 13-15 Mei 2008).
- Siti Aisah Murad, *A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007).
- Sofyuddin Yusof, Mohd Faiz Hakimi Mat Idris dan Nik Murshidah Nik Din, “Kedudukan Syair dalam Islam,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 2 (2009), 21-40.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972).
- _____, *Preliminary Statement on the General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1969).

Zaiton Abu Samah, “Menulis Itu Resah yang Bahagia, Duka yang Indah,” *Dewan Sastera* 33, no. 8 (Ogos 2003), 33-36.